



Antara yang hadir mendengar ceramah pada **Forum Perdana anjuran PPZ-MAIWP dan Badan Khairat NSTP**, baru-baru ini. [FOTO ASYRAF HAMZAH/BH]

# Peluang keemasan memperelok akhlak

## Ibadah puasa tingkat darjat umat Rasulullah

**A**pa juga yang ingin dilakukan perlu kepada persediaan dan pastinya kedatangan Ramadan yang memang nanti ini ditempuhi dengan pelbagai persediaan baik dari segi mental serta fizikal dalam usaha merebut rahmat, pengampunan untuk meningkatkan ketakwaan.

Persediaan penting untuk memastikan ibadah puasa dapat dilaksanakan sebaiknya dan jika ditakdirkan timbul masalah, ia dapat ditangani sebaiknya. Melakukan persediaan menjadi sebahagian daripada panduan Rasulullah SAW kepada umat baginda.

Khususnya dalam strategi peperangan Baginda SAW akan memastikan sumber air ditawan terlebih dahulu oleh tentera Islam sebelum pihak musuh merebutnya. Itu yang dilakukan sahabat ketika perang Badar iaitu mengawal sumber air dahulu.

Kepentingan membuat persediaan dijelaskan penceramah, Mohd Elyas Ismail, ketika membincangkan tajuk 'Ramadan: Tawaran Ketakwaan dan Keampunan' pada Forum Perdana anjuran Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) serta Badan Khairat The New Straits Times Press (NSTP), baru-baru ini.

Forum yang turut menampilkan pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr Nik Salida Suhaila Nik Saleh sebagai ahli panel itu dipengerusikan pendakwah bebas yang juga kolumnis ruangan agama BH, Ahmad Shukri Yusoff.



Forum Perdana anjuran PPZ-MAIWP dan Badan Khairat NSTP menampilkan ahli panel, Mohd Elyas (kiri) dan Nik Salida Suhaila yang dipengerusikan Ahmad Shukri. NSTP/ ASYRAF HAMZAH

Mohd Elyas berkata, persediaan dibuat sebelum menjelangnya Ramadan seperti meningkatkan kesabaran, memohon kemaafan sesama insan, melazimkan membaca al-Quran dan memperbanyakkan puasa sunat memudahkan pelaksanaan rukun Islam ketiga itu.

### Didik jiwa

Katanya, semua latihan yang dilakukan sebelum Ramadan mendidik jiwa untuk lebih mudah melaksanakan ibadah yang digalakkan bagi orang berpuasa merebut ganjaran hebat yang dijanjikan sepanjang bulan mulia itu.

"Kenapa kita perlu bermaafan kerana apabila diri berat dengan dosa, beratalah untuk melakukan ibadah. Begitu juga dianjurkan meningkat-

kan kesabaran supaya dapat mengawal diri daripada melakukan perkara boleh membatalkan puasa," katanya.

Mohd Elyas berkata, Ramadan adalah bagaimana seseorang itu melihat kedatangan bulan mulia yang dianugerahkan sebulan dalam setahun kepada umat Islam kerana ia bukan bulan transit sebelum munculnya Syawal.

Beliau berkata, orang beriman akan melihat Ramadan sebagai peluang keemasan untuk memperelokkan akhlak yang kesannya dapat dilihat melalui akhlak mereka sesama manusia serta akhlak dengan tugas diamanahkan.

### Ibadah zahir

Sementara itu, Dr Nik Salida yang

mengupas isu takwa sebagai hasil ingin diperoleh umat Islam daripada ibadah puasa dilaksanakan sepanjang Ramadan memberitahu, tahap ketakwaan seseorang itu tidak dapat dilihat dengan mata.

Sebaliknya, ia dapat dinilai daripada ibadah zahir yang menjadi asas kepada penyempurnaan akidah seperti solat, puasa serta amalan lain yang diwajibkan oleh Allah SWT.

Beliau turut menggariskan lima perkara yang menjadi pemangkin kepada ibadah puasa seperti diktakan Imam Ibnu Kathir mengenai kesungguhan umat Islam menurut perintah Allah SWT menahan diri daripada makan dan minum.

Menurut Ibnu Kathir, umat Islam bersedia menahan diri daripada makan dan minum demi memenuhi tuntutan ibadah puasa sedangkan hukum awalnya makan dan minum perkara diharamkan. Malah, mereka tetap untuk tidak makan dan minum kerana yakin Allah SWT melihat setiap perbuatan dilakukan.

Ketiga, salur darah orang yang berpuasa menjadi sempit dan ini menyukarkan syaitan untuk masuk dan keempat, disebabkan tiada hasutan makan orang yang berpuasa akan menjaga puasanya. Yang terakhir, puasa membolehkan orang kaya merasai kesusahan golongan miskin.

"Hakikatnya susah untuk mendapatkan takwa dan menentukan ketakwaan seseorang tetapi melihat kepada ibadah zahir kita boleh menilai. Kita boleh saja makan dan minum di bulan puasa terutama apabila tidak ada orang melihat tetapi kita berjaya menahan diri," katanya.

### Tingkat darjat di sisi Allah SWT

Ahmad Shukri berkata, ibadah puasa akan meningkatkan darjat seseorang di sisi Allah SWT dengan membawakan kisah yang berlaku kepada sahabat Rasulullah SAW yang berimpit melihat dua sahabat sudah meninggal dunia.

Dalam mimpinya, sahabat yang mati syahid dalam peperangan masuk syurga kemudian daripada sahabat yang meninggal dunia selepasnya.

Lalu timbul rasa hairan kenapa sahabat yang mati syahid masuk kemudian sedangkan beliau meninggal dunia ketika berjihad di jalan Allah SWT.

Apabila ditanyakan kepada Rasulullah SAW, baginda bertanya apakah sahabat yang dulu masuk syurga dalam mimpi itu sempat bertemu Ramadan sebelum beliau meninggal dunia. Dimaklumkan, sahabat itu sempat bertemu Ramadan sebelum meninggal dunia. Baginda berkata, itulah jawapannya.

Ini menunjukkan mereka yang berpuasa memang dimulikan darjatnya di sisi Allah SWT dan Rasulullah SAW juga ditanya kenapa baginda banyak berpuasa ketika Syaaban memberitahu baginda suka jika amalannya diangkat ke langit ketika baginda sedang berpuasa.



HASLIZA HASSAN

haslizah@bharian.com.my